



20 JUL, 2025

PENGHARGAAN LUAR BIASA



Metro Ahad, Malaysia

'KEJUTAN' TANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT PENGHARGAAN LUAR BIASA

Oleh Nur Izzati
Mohamad
am@hmetro.com.my

Bukit Mertajam

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi bayangan penghargaan luar biasa yang akan diumumkan adalah langkah kerajaan dalam menangani kos sara hidup rakyat.

Anwar berkata, beliau meminta tempoh untuk mengumumkan perkara berkenaan bagi membolehkan Kementerian Kewangan menyediakan 'kejutan' itu secara lebih terperinci.

Menurutnya, beliau sedang mencari ikhtiar kerana kenaikan kos sara hidup bukan berlaku dalam negara sahaja, tetapi seluruh dunia.

"Masalah (yang dihadapi) negara kita adalah kos sara hidup. Nak naik gaji dan eluan penjawat awam RM10 bilion campur dengan STR (Sumbangan Tunai Rahmah) RM12 bilion, jadi RM23 bilion."

"Setiap hari di Kementerian Kewangan bergelut cari (pendekatan) yang boleh diumum dalam masa singkat, mesti umum (nak) tangani kos sara hidup."

"Jadi tunggu, kalau tak Isnin, Selasa ini, dalam masa dua ke tiga hari lagi. Pengumuman yang nak di-buat mestii besar, sekarang kita nak bagi mantap dulu (apa yang hendak diumumkan), doa bagi elok-elok," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Peluncuran Pelan Induk Bumiputra, Tunas MADANI dan Projek Perumahan JKPSB di Permata Pahang, di sini, semalam.



Tuntut balik duit diambil secara haram, kembalikan kepada rakyat

Bukit Mertajam: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan beliau menggunakan kuasa yang diamanahkan bagi menuntut semula wang yang diambil secara haram untuk dipulangkan kepada rakyat.

Anwar berkata, meskipun menyedari sentim untuk menjatuhkan dirinya semakin lantang disuraukan sesetengah pihak, apa yang dilakukan tidak bermakna beliau tidak berada di landasan rakyat.

Menurutnya, pihak yang mengumpul kekayaan dengan cara salah perlu mengembalikannya semula, apakah lagi negara kini menanggung hutang yang cukup besar dan boleh bankrap.

"Ada (orang kaya) yang mengumpul harta mengucap panjang, semua billion-billion, ada (anak bekas pemimpin) yang isytihar kepada

SPRM (Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) hartaanya melebihi RM1 bilion.

"Nak kata perjuang untuk (orang Melayu)? Silakan...nak beli nasib Melayu? Teruskan...tapi, kalau kau ambil RM1 bilion, bagilah balik."

"Orang kata saya guna kuasa, ya memang betul saya nak guna peluang ini (kuasa sebagai Perdana Menteri) wang yang diambil secara haram, mestii dipulangkan semula kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Peluncuran Pelan Induk Bumiputra, Tunas MADANI dan Projek Perumahan JKPSB di Permata Pahang, di sini, semalam.

Katanya, bukan Malaysia sahaja berdepan dengan situasi ketidakstabilan ekonomi, tetapi ia dapat ditangani dengan baik.

"Siapakah kita (Malaysia) tak ada masalah? Satu dunia ada masalah sekarang (ekonomi tidak stabil). Ini saya bukan (cakap) atas dasar sentimen (kerana) orang maki hamun saya setiap hari kerana itu kerja mereka.

"Cakap saya zalim menindas rakyat (mengenai cukai) sedangkan apa dilakukan atas sebab dasar. Tengok saya kenakan (kenaikan) elektrik 15 peratus tertinggi, industri ini syarikat-syarikat besar ada keuntungan besar, jadi bayarlah lebih sikit, yang kamu susah hati sebab apa. "Bagaimana (nak cari dana untuk pendidikan, penyediaan pekerjaan lebih baik) kalau tidak dari cukai. Itu pun cukai untuk orang kaya, mengapa perlu bising, hutang negara besar, kalau tak bayar nanti bankrap," katanya.

ANWAR mengadakan lawatan reraui di Rumah Kami pada Sambutan Minggu Perpaduan di Stadium Batu Kawan, Pulau Pinang. - Gambar NSTP/MIKAIL ONG

NI dan Projek Perumahan JKPSB di Dewan Besar Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Pulau Pinang di Permatang Pauh, di sini, semalam.

Sebelum ini, Anwar dalam hantaran di laman sosial Facebook (FB) memaklumkan membuat satu pengumuman besar sebagai penghargaan luar biasa untuk rakyat Malaysia.